

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24/5 / 2008

## Karpal buat laporan polis terhadap Dr. Mahathir

PULAU PINANG 23 Mei - Pengerusi DAP, Karpal Singh hari ini membuat laporan polis terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung kenyataan beliau yang mendakwa ada hakim yang melobi untuk mendapatkan jawatan.

Beliau berkata, perbuatan melobi seperti yang didakwa bekas Perdana Menteri itu adalah salah dan melanggar undang-undang mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1997.

"Dr. Mahathir juga boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 17 Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana tidak membuat laporan polis berhubung tindakan hakim yang melobi itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sejurus tiba di perkarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang di Jalan Penang di sini pada kira-kira pukul 3.05 petang.

Pada 17 Mei lalu di Johor Bahru, Dr. Mahathir, mengeluarkan kenyataan bahawa ketika beliau menerajui negara terdapat hakim yang melobi untuk mendapatkan jawatan.

Selain itu, beliau juga bersedia disiasat dan didakwa di mahkamah berhubung segala tuduhan dalam laporan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat klip video yang mengandungi perbualan seorang peguam dengan hakim kanan bagi mengatur pelantikan hakim.

um - 24/5/2008